

14 FEB 1999

Mahathir-Chirac

CHIRAC BERSIMPATI DENGAN MALAYSIA, KATA MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

PARIS, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perancis merupakan negara di Eropah yang paling bersimpati dengan kesusahan yang dialami Malaysia dan negara-negara Asia lain yang terjejas teruk akibat aktiviti spekulator mata wang antarabangsa.

Perdana Menteri berkata demikian sejurus selepas mengadakan perjumpaan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac di Elysee Palace di sini.

Pertemuan yang dijadualkan selama 45 minit itu berlanjutan sehingga dua jam dan Dr Mahathir menyifatkan perbincangan yang diadakan dengan Chirac di kediaman rasmi presiden itu sebagai jujur dan berterus terang.

Beliau berkata Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Perancis sejak selama beberapa tahun untuk menjalin persefahaman ini.

"Saya rasa Perancis lebih memahami kedudukan Malaysia berbanding negara Eropah lain, dan Chirac sendiri begitu memberi sokongan," kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas perjumpaan itu.

Ketibaan Dr Mahathir di istana itu, tepat pukul enam petang, disambut secara rasmi oleh pasukan bersenjata presiden.

Ini merupakan lawatan kedua Perdana Menteri ke sini sejak pertemuan pertama mereka pada 1997 apabila hubungan antara Perancis dan Malaysia diperkukuhkan dengan pelantikan Tan Sri Kamil Jaafar sebagai wakil khas Malaysia ke negara itu dan Perancis pula melantik wakil khasnya ke Malaysia.

Dr Mahathir, yang tiba di sini selepas menghadiri mesyuarat empat hari kumpulan negara-negara membangun G-15 di Jamaica, berkata kedatangan beliau ke sini juga bagi menyampaikan perutusan khas G-15 kepada Chirac.

Menjelaskan perkara itu, beliau berkata : "Negara-negara G-15 mahu turut serta dalam apa yang dipanggil pengwujudan rekabentuk kewangan antarabangsa. Bagaimana ia akan dilaksanakan adalah satu perkara lain. Yang pentingnya ialah kami mahu berkomunikasi secara langsung dengan G-7 dan mendapatkan peluang untuk berbincang dengan mereka."

Sambil menggambarkan maklum balas Chirac terhadap pandangannya dan negara-negara G-15 sebagai "memberikan sokongan penuh", Dr Mahathir berkata Perancis memainkan peranan penting dalam memujuk negara-negara G-7 yang lain untuk lebih bersimpati dengan pendirian Malaysia terhadap spekulator mata wang.

"Penumpuan pendapat ini bukan hanya dengan Perancis dan Jerman sahaja. Keperluan kepada kawalan itu sudah diterima oleh Kanada dan Jepun kini. Saya rasa lebih banyak negara yang kelihatan bersetuju akan perlunya kepada kawalan," katanya.

Dr Mahathir berkata kini terpulang kepada mereka untuk meyakinkan negara lain, terutama Amerika Syarikat, mengenai keperluan kawalan itu.

Semasa ditanya sama ada pandangan itu diterima oleh Britain, Dr Mahathir menjawab bahawa Britain akan mengikuti langkah Amerika Syarikat.

Mengulas lebih lanjut mengenai pokok rundingan untuk menentukan masa depan ekonomi negara, Dr Mahathir turut menggesa agar "globalisasi" disemak semula.

Katanya: "Walaupun kita menyambut baik, kita rasakan bahawa kesannya perlu dikaji dengan mendalam supaya negara-negara membangun tidak ketinggalan."

Mengenai isu-isu kewangan, negara-negara G-15 kini mempunyai gambaran yang lebih jelas dan pendirian yang lebih positif, apabila semua negara bersetuju bahawa sistem sekarang adalah berbahaya kepada mereka.

Beliau berkata negara-negara berkenaan kini sedar bahawa mereka boleh menjadi kaya pada waktu pagi dan miskin pada petangya.

"Mereka bimbang bahawa mereka juga mungkin terpaksa menanggung akibatnya disebabkan kurangnya kawalan," kata Dr Mahathir.

Selain menyampaikan perutusan negara-negara G-15, Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dua hala mengenai isu-isu ekonomi dan politik dengan Presiden Chirac yang beliau gambarkan sebagai seorang yang amat bersimpati dengan kesusahan yang dialami negara-negara membangun.

Malaysia dianggap oleh Perancis sebagai negara yang mencerminkan situasi di Asia Tenggara, katanya.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kemudian berlepas ke Amman, ibu negara Jordan pada pagi Ahad sebelum kembali ke Malaysia.

Di Amman, beliau secara peribadi akan menyampaikan ucapan takziah Malaysia dengan kemangkatan Raja Hussein, yang upacara pengkebumiannya minggu lepas tidak dapat dihadiri Dr Mahathir.

--BERNAMA

WAH RHM RON